

3AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NASIONAL

Kadar diabetes Malaysia kedua tertinggi di dunia

Hampir 4 juta penduduk menghidap kencing manis

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@nstp.com.my

Kota Bharu: Malaysia mempunyai jumlah penghidap penyakit kencing manis atau diabetes yang tertinggi di Asia dan kedua tertinggi di dunia selepas Arab Saudi.

Pakar Perubatan Keluarga, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Siti Suhaila Mohd Yusoff, berkata peningkatan bila-



ngan angka bagi kes diabetes itu amat membimbangkan disebabkan hampir empat juta penduduk negara ini menghidap diabetes.

Katanya, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan

Morbidity (NHMS) mendapati peratusan pesakit diabetes di Malaysia meningkat daripada 13.4 peratus pada 2015 kepada 18.3 peratus pada 2019.

"Laporan itu sekali gus menunjukkan satu dalam lima individu dewasa berusia 18 tahun ke atas menghidap penyakit diabetes atau bersamaan dengan 3.9 juta penduduk Malaysia.

"Ia juga menunjukkan 50 peratus daripada pesakit diabetes tidak sedar mereka menghidap penyakit berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Siti Suhaila berkata, sehubungan itu program kesedaran mengenai penyakit diabetes dan aktiviti saringan adalah satu daripada inisiatif untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit itu.

Penularan COVID-19

2,521 kes jangkitan baharu, 8 kematian

Putrajaya: Kes jangkitan harian baharu COVID-19 di negara ini mencatatkan penurunan dengan 2,521 kes dilaporkan setakat malam kelmarin, berbanding 3,913 kes sehari sebelumnya.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi laman sesawang KKMNOW menunjukkan, sebanyak 2,519 kes membabitkan penularan tempatan, manakala dua lagi kes import.

Jumlah itu menjadikan keseluruhan 4,929, 972 kes sejak COVID-19 mula dikesan pada Januari 2020.

Statistik kematian

Bagaimanapun, lapan kematian direkodkan dengan dua daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Setakat tengah malam kelmarin, statistik kematian adalah sebanyak 36,495 dengan 7,767 adalah BID.

Selain itu, sebanyak 2,182 kes aktif dilaporkan menjadikan keseluruhan kes aktif sebanyak 34,534 kes dengan 32,766 atau 94.9 peratus menjalani isolasi di rumah dan 73 berada di wad Unit Rawatan Rapi (ICU).

Sebanyak 47 individu memerlukan bantuan pernafasan, manakala tiada kes dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

Penggunaan katil ICU juga berada pada paras 61.2 peratus.

Sementara itu, seramai 87 individu mendapatkan suntikan dos utama vaksin COVID-19 semalam, manakala 270 mendapatkan dos penggalak pertama dan 2,231 lagi mendapatkan dos penggalak kedua.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata jangkitan kes COVID-19 menunjukkan peningkatan sebanyak 57.3 peratus apabila 26,616 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-44 (ME 44/2022) iaitu dari 30 Oktober hingga 5 November, berbanding 16,917 pada ME sebelumnya.

Katanya, bilangan kes tempatan pada ME 44 meningkat 57.4 peratus iaitu 26,577 kes, berbanding 16,890 kes pada ME 43.

Turut menunjukkan peningkatan bilangan kes import daripada 27 kepada 39 kes iaitu kenaikan 44.4 peratus, manakala bilangan kes kematian pada ME 44 meningkat 45 peratus iaitu 20 kes kepada 29 kes.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : DUNIA

Kes kematian akibat ubat sirap meningkat kepada 195

Bahan bahaya dalam cecair punca buah pinggang budak rosak

Jakarta: Indonesia melaporkan jumlah kematian kanak-kanak akibat kegagalan buah pinggang atau kerosakan yang dikaitkan dengan bahan berbahaya dalam ubat sirap kini meningkat kepada 195 orang.

Negara Asia Tenggara itu menyaksikan peningkatan dalam kecederaan buah pinggang akut (AKI) sejak Ogos, mendorong siasatan dan seterusnya membawa kepada pengharaman penjualan semua jenis ubat cecair.

Jurucakap Kementerian Kesihatan, Mohammad Syahril, pada satu sidang media, berkata lebih 320 kes AKI direkodkan di wilayah dan seluruh negara itu dengan 27 pesakit sedang dirawat di hospital.

Kebanyakan kanak-kanak yang terjejas itu di bawah usia lima tahun dan setakat 21 Okto-

ber, 133 kematian direkodkan.

Bahan diguna untuk cegah pembekuan

Menurut Mohammad, hasil ujian mendapati kebanyakan kematian disebabkan oleh sirap yang mengandungi jumlah berlebihan etilena glikol dan dietilena glikol, dua sebatian yang digunakan dalam produk industri bagi mencegah pembekuan.

Sehubungan itu, pihak berkuasa kesihatan mengimport penawar untuk AKI, dengan 246 botol diperolehi setakat ini, kebanyakannya disumbangkan

oleh Singapura serta Australia dan ubat itu menunjukkan kesan positif yang ketara.

Bulan lalu, agensi makanan dan ubat nasional Indonesia menamakan lima sirap yang mengandungi tahap bahan berbahaya dan mengarahkan produk itu dikeluarkan dari pasaran dan dimusnahkan.

Sementara itu, polis turut menjalankan siasatan terhadap tiga syarikat farmaseutikal tempatan dan dua daripadanya kehilangan lesen untuk mengeluarkan ubat sirap buat sementara waktu.

Sebelum lonjakan kes baru-

baru ini, Indonesia hanya merekodkan antara dua dan lima kes AKI dalam tempoh sebulan.

Di Afrika Barat, Gambia melaporkan 70 kematian kanak-kanak bulan lepas yang disyaki berpunca daripada ubat sirap yang diimport.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebelum ini memaklumkan menemui 'jumlah yang tidak boleh diterima' dietilena glikol dan etilena glikol dalam empat sirap batuk buatan India dan memberi amaran ia boleh dikaitkan dengan kematian di negara kecil Afrika itu. AFP

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Kes baharu Covid-19 turun ke angka 2,000

Putrajaya: Jangkitan harian kes positif baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan penurunan dengan 2,521 kes dilaporkan setakat kelmarin berbanding 3,913 kes sehari sebelumnya.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi laman sesawang KKMNOW menunjukkan sebanyak 2,519 kes adalah penularan tempatan manakala dua lagi kes import.

Jumlah itu menjadikan keseluruhan 4,929, 972 kes sejak Covid-19 mula dikesan pada Januari 2020.

Bagaimanapun, lapan kematian direkodkan dengan dua daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID). Setakat tengah malam kelmarin statistik kematian adalah sebanyak 36,495 dengan 7,767 adalah BID.

Selain itu sebanyak 2,182 kes aktif dilaporkan men-

jadikan keseluruhan kes aktif sebanyak 34,534 kes dengan 32,766 atau 94.9 peratus menjalani isolasi di rumah dan 73 berada di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk 47 yang memerlukan bantuan pernafasan, manakala tiada kes dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Penggunaan katil ICU juga berada pada paras 61.2 peratus.

Seramai 87 individu mendapatkan suntikan dos utama vaksin Covid-19 semalam, dan 270 mendapatkan dos penggalak pertama dan 2,231 individu lain pula mendapatkan dos penggalak kedua.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jangkitan kes Covid-19 meningkat 57.3 peratus apabila 26,616 kes direkodkan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA!

Kluster Dah Legenda di pusat jagaan warga emas

SUNGAI PETANI – Satu kluster Covid-19 baharu iaitu Kluster Dah Legenda yang disyitiharkan di negeri ini kelmarin dilaporkan berlaku di sebuah pusat jagaan warga emas di sini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr. Othman Warijo berkata, kluster tersebut membabitkan seramai 14 individu terdiri daripada sembilan perempuan dan lima lelaki.

Katanya, seramai 12 orang merupakan penghuni warga emas berusia lingkungan 69 hingga 88 tahun, manakala dua lagi merupakan penjaga mereka berusia 22 dan 23 tahun.

"Kes pertama bagi kluster itu dikesan berikutan saringan bergejala pada hujung Oktober lalu.

"Susulan itu, terdapat tiga orang penghuni warga emas di-

masukkan ke wad Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) di sini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, penghuni lain dan penjaga premis itu diarahkan untuk menjalani kuarantin di pusat jagaan tersebut.

Kosmo! Online kelmarin melaporkan tentang kluster Covid-19 baharu, Kluster Dah Legenda yang didaftarkan

Jabatan Kesihatan Negeri.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman berkata, sejak hari penamaan calon, jumlah kes semakin meningkat dengan tiga daerah mempunyai kes positif terbanyak.

Katanya, daerah itu ialah Kulim, Kuala Muda dan Alor Setar.



Seramai 12 orang merupakan penghuni warga emas berusia lingkungan 69 hingga 88 tahun, manakala dua lagi merupakan penjaga mereka berusia 22 dan 23 tahun."

DR. OTHMAN